

Headline **Bendung penggunaan dadah sintetik**
Date **07 Feb 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **S7**
Article Size **174 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **957**
PRValue **2,871**



Bendung penggunaan dadah sintetik

KUALA LUMPUR – Kerajaan diminta memberikan lebih perhatian terhadap usaha membendung penggunaan dadah sintetik yang semakin membimbangkan khususnya dalam kalangan remaja.

Aktivis Masyarakat, Mohd Rashid Hashim berkata, dadah sintetik mempunyai kesan yang kuat dan mampu merangsang serta mendorong seseorang itu bertindak di luar batasan.

Katanya, beliau percaya salah satu faktor kepada peningkatan kadar jenayah melibatkan kematian adalah disebabkan penggunaan dadah sintetik oleh pelakunya.

“Bagi seseorang yang mengambil dadah sintetik, apabila dia berkehendakkan sesuatu dia pasti akan melakukan apa cara sekalipun untuk mendapatkannya.

“Jadi kerajaan harus memberikan lebih perhatian kepada masa-



● MOHD RASHID HASHIM

lah ini, penggunaan dadah sintetik memang tidak boleh dihentikan tetapi boleh dibendung,” katanya kepada Sinar Harian ketika ditemui, di sini.

Beliau berkata, pihak berwajib

harus memainkan peranan bagi mengelakkan masalah itu menjadi semakin serius demi menyelamatkan generasi muda di negara ini.

Dalam perkembangan sama beliau berkata, kekurangan pengetahuan menyebabkan wujudnya stigma dan diskriminasi terhadap bekas penagih dadah dalam kalangan masyarakat di negara ini.

“Stigma dan diskriminasi timbul apabila seseorang itu tiada ilmu dan pengetahuan mengenai HIV/ Aids, bila seorang benci, semua pun turut membenci.

“Justeru saya ingin mengingatkan ahli masyarakat supaya jangan ada stigma dan diskriminasi terhadap bekas penagih dadah.

“Mungkin keluarga kita tidak terlibat tetapi kita harus ingat dadah tiada mata, hati dan telinga, ia boleh menyerang sesiapa sahaja jika kita tidak berhati-hati,” katanya.